

14 SEP 2000

Mahathir-PAS

MAHATHIR TEMUI BEKAS ANGGOTA PAS TERENGGANU

PUTRAJAYA, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan tertutup dengan 120 bekas anggota PAS dari Marang, Terengganu di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana, di sini, malam ini.

Di samping mendengar ucapan Dr Mahathir, majlis itu juga menyaksikan mereka menyerahkan borang keanggotaan Umno kepada Perdana Menteri.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Dr Mahathir turut meluangkan masa membawa mereka melawat sekitar Kompleks Seri Perdana yang menjadi sebahagian daripada pembangunan bandar pintar Putrajaya, ibukota pentadbiran negara yang baru.

Sementara itu, seorang daripada anggota kumpulan berkenaan yang ditemui Abdul Rahman Mat Ali, 48, berkata beliau meninggalkan PAS setelah mendapati parti pembangkang itu tidak menunaikan janjinya dulu termasuk untuk tidak "membalas dendam" jika dapat memerintah Terengganu.

"Tapi yang jadi ialah sebaliknya. Bila PAS dapat kuasai Terengganu, dia buang orang Umno yang jadi ketua kampung, contohnya. Semua dia buang tanpa panggil berbincang.

"Yang saya nampak hari ini ialah dia janji kosong semata-mata. Tak ada apa benda yang dia boleh buat," katanya.

Katanya lagi fitnah PAS juga menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan orang Melayu di negeri itu.

Seorang lagi bekas anggota PAS Ismail Mohamad, 47, berkata sememangnya PAS kurang mengadakan usaha-usaha pembangunan untuk kepentingan rakyat Terengganu sejak memerintah negeri itu.

PAS merampas teraju pemerintahan di Terengganu daripada Barisan Nasional pada pilihan raya umum November 1999.

-- BERNAMA

MAM ZB